

Jilid IV
Bil. 1



Hari Isnin
8hb April, 1974

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA
THIRD LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT
Fourth Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid IV
Bil. 1



Hari Isnin
8hb April, 1974

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA
THIRD LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT
Fourth Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDUNGANNYA

- UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA [2]**
MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT [10]
JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [10]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [44]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETIGA

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEEMPAT

MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Isnin, 8hb April, 1974

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri (Encik Abu Talib bin Othman)
Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Encik Ooh Chooi Cheng, J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Barat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " Kawasan Tanjong Selatan (Encik Wong Choong Woh)
" " Kawasan Sungei Pinang (Encik S. P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim, J.P.)
" " Kawasan Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Butterworth (Encik Ooi Ah Bee)
" " Kawasan Glugor (Encik D. C. Stewart, P.J.K.)
" " Kawasan Permatang Pauh (Tuan Haji Mohamad Nor bin Haji Bakar, J.P.)
" " Kawasan Dhoby Ghaut (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Nibong Tebal (Encik Teoh Chung Hor *alias* Teoh Kooi Sneah)
" " Kawasan Muda (Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan, P.J.K., J.P.)
" " Kawasan Tanjong Utara (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
" " Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan)
" " Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Soo Giap)
" " Kawasan Jelutong (Encik Koay Boon Seng)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin)
" " Kawasan Sungei Bakap (Encik Veerappen a/k Veerathan)
" " Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How)
" " Kawasan Balik Pulau (Encik Abdul Rahman bin Haji Yunus)
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Mustapha bin Hussain)

1. DOA.

2. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR.

Tuan Speaker: Dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama, dalam sedikit masa lagi, akan tiba ke dalam Dewan ini untuk melafazkan ucapannya.

(Tuan Speaker didahului oleh Setiausaha Dewan Undangan menuju ke pintu bilik Dewan untuk menyambut Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Mulia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah).

(Tuan Yang Terutama dan Yang Mulia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah diiringi oleh Jururing-jururing memasuki bilik Dewan, didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan Undangan. Para hadirin berdiri dan tunduk sambil Tuan Yang Terutama dan Yang Mulia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah berjalan menuju tempat duduk).

Setiausaha Dewan: Sekarang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan menyerahkan surat ucapan kepada Tuan Yang Terutama Gabnor.

Ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

Tuan Yang Terutama Gabnor: Kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana limpah nikmat Nya dan kerana mendapat peluang sekali lagi untuk memberi ucapan-ucapan dalam Dewan ini sempena dengan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang.

Sejak kita berhimpun pada bulan Mei tahun lalu, Negeri ini telah terus melipatgandakan kemajuannya dalam semua bidang sosial dan ekonomi dan telah memperolehi banyak kejayaan ke arah mencapai matlamat-matlamat utama Dasar Ekonomi Baru. Perlaksanaan yang begitu cemerlang dalam berbagai rancangan pembangunan Negeri ini telah menghasilkan satu masyarakat yang lebih setabil, bersatupadu dan aman. Pada hari ini semua rakyat kita berasa lebih teguh, lebih bersatu dan lebih berazam untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang benar-benar adil dan saksama di dalam Negeri ini.

Kita berasa puashati dan bangga dengan kemajuan sosial dan ekonomi yang gemilang yang dicapai oleh Kerajaan. Ini bukan sahaja telah membawa kemakmuran dan kebahagiaan yang lebih di samping taraf hidup yang lebih tinggi bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang tetapi juga telah memperkukuhkan lagi semangat perpaduan kebangsaan mereka. Penduduk-penduduk Pulau Pinang mula mendapat faedah-faedah daripada rancangan-rancangan Negeri bagi memajukan sektor industri mengilang, mempergiatkan lagi dan memperbaiki industri-industri *agro-horticulture* dan mengubah ekonomi perdagangan dan perniagaan yang tradisi. Di masa yang sama, mereka juga telah mengukuhkan sokongan dan kerjasama untuk rancangan-rancangan pembangunan di dalam Negeri kita ini untuk mempertingkatkan lagi kemajuan Malaysia pada keseluruhannya.

Secara terbesar, semangat pembangunan negara telahpun diperkukuhkan dengan hubungan dan kerjasama yang rapat di antara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam semua usaha kita untuk membasmikan kemiskinan, untuk memperbetulkan ekonomi yang tidak seimbang dan untuk menyatupadukan masyarakat kita yang berbilang bangsa bagi menjadi satu negara Malaysia yang mempunyai identitinya sendiri. Perlaksanaan yang teliti dan penuh kesabaran dalam projek-projek sosial yang akan menyatupadukan penduduk-penduduk kita mengikut prinsip-prinsip Rukunegara; perkembangan yang dinamik dan pesat dalam ekonomi kita mengikut cara yang akan menentukan penyertaan yang lebih luas oleh Bumiputra di dalam semua lapisan hidup dan disamping itu mengekalkan prinsip bahawa semua kaum-kaum yang lain akan terus menikmati hak-hak dan keistimewaan mereka seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan; dan faedah-faedah sosial dan ekonomi yang terus-menerus dinikmati oleh penduduk-penduduk di Negeri ini bolehlah disifatkan hasil dari pimpinan yang adil serta bijaksana oleh Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Orang-orang Malaysia yang berfikiran waras dan berpatutan tentulah tidak syak lagi bahawa banyak kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Negeri Pulau Pinang dalam Pembangunan sosio-ekonomi adalah hasil daripada kestabilan, kecekapan dan berkesannya Kerajaan Campuran. Seterusnya pula, kemajuan-kemajuan sosio-ekonomi yang pesat yang kita telah capai di dalam rancangan Negeri bagi perindustrian desa dan perbandaran kawasan desa, bersama-sama dengan usaha-usaha memperluaskan dan memajukan lagi industri *agro-horticulture* serta juga projek-projek pembaharuan dan pemulihan semula bandar melalui usaha-usaha Kerajaan Campuran telah terus membawa kepada penubuhan Barisan Kebangsaan di bawah Tun Razak dan pimpinannya. Kemajuan-kemajuan ini jelas menunjukkan perasaan perpaduan negara yang semakin bertambah di kalangan penduduk-penduduk kita dan kesedaran mereka bahawa untuk membolehkan mereka mencapai kemajuan sosio-ekonomi yang berterusan, mereka mestilah mengutamakan kepentingan-kepentingan negara dari lain-lain perkara supaya faedah-faedah kemajuan ekonomi negara akan mengujudkan satu masyarakat Malaysia yang adil dan saksama.

Penduduk-penduduk di Negeri kita tanpa berganjak telah menyokong dan memberi kerjasama kepada Kerajaan pada setiap masa. Sokongan mereka yang bertambah dan berterusan telah membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya dengan berkesan yang telah dapat mengurangkan dengan banyaknya kadar pengangguran di Negeri ini dan dapat menambahkan pengeluaran kasar Negeri (gross domestic product) di dalam Negeri ini. Kita perhatikan dengan bangganya bahawa penduduk-penduduk kita telah memberi sambutan yang begitu terpuji kepada nasihat-nasihat Kerajaan dan mereka sedar walaupun perkembangan yang pesat dalam pembangunan Negeri ini mungkin menimbulkan sedikit gangguan, mereka mestilah mengatasi masalah-masalah ini dengan persefahaman dan perasaan muhibbah dan dengan itu menentukan ketenteraman dan kesetabilan Negeri kita ini. Rakyat

hendaklah diberi tahniah di atas dedikasi mereka menyokong Kerajaan Negeri dalam tujuannya mencapai satu taraf hidup yang lebih tinggi, bukan sahaja untuk mereka tetapi juga untuk generasi Malaysia yang akan datang.

Kita akan menghargai sebenarnya kadar dan tempoh pembangunan yang sedang berlaku di dalam Negeri kita ini apabila kita perhatikan bahawa sejak tahun lalu 22 buah kilang-kilang perusahaan telah ditubuhkan. Ini menjadikan jumlah bilangan kilang-kilang perusahaan baru yang digalakkan oleh Kerajaan pada masa sekarang sebanyak 74 buah di kawasan-kawasan perusahaan yang dimajukan oleh Kerajaan. Kilang-kilang baru ini menambahkan kepada lebih daripada 400 buah kilang-kilang yang ditempatkan di luar kawasan-kawasan perusahaan yang dikelolakan oleh Kerajaan. Kesemua 74 buah kilang perusahaan ini mempunyai modal yang diramalkan sebanyak \$154,870,000 dengan kemasukkan kira-kira \$65 juta setahun ke dalam ekonomi tempatan Negeri ini.

Dalam tahun 1973, usaha-usaha Kerajaan yang ditujukan kepada pembangunan industri sahaja telah dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada 13,343 orang. Dengan ini, usaha Kerajaan mengadakan peluang pekerjaan melalui perindustrian pada tahun lalu adalah 133 peratus lebih tinggi daripada usaha dalam tahun 1972. Oleh sebab angka-angka ini tidak termasuk tambahan biasa pekerjaan di sektor-sektor swasta, badan-badan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang lain dan industri pelancungan, maka jumlah peluang pekerjaan dalam tahu 1973 mungkin dalam lingkungan 15,000 orang. Dengan itu, dapatlah diperhatikan bahawa menjelang tahun 1973 rancangan-rancangan yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri telah mengujudkan peluang pekerjaan terus kepada hampir dua kali ganda daripada bilangan murid-murid yang keluar dari sekolah yang pada tiap-tiap tahun memasuki kumpulan buruh di dalam Negeri ini.

Adalah sesuai sekarang bagi Kerajaan Negeri berusaha pula ke arah memajukan perusahaan-perusahaan yang

memerlukan kemahiran dan teknologi yang lebih tinggi lagi untuk menambahkan daya pengeluaran Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri memberi keutamaan yang paling tinggi kepada usaha menubuhkan badan-badan yang boleh melatih tenaga rakyat yang akan dikehendaki pada masa hadapan dalam Negeri ini supaya mencapai taraf pelaksanaan yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan kilang-kilang perusahaan yang bercorak baru ini.

Disamping itu Kerajaan Negeri adalah bekerja rapat dengan Kerajaan Persekutuan dan, pada khususnya dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, untuk menentukan supaya bentuk gaji bagi pekerja-pekerja kita yang baru adalah adil dan saksama bagi kerja yang dibuat. Keadaan pekerjaan mereka dan lain-lain kemudahan akan diperbaiki sambil mereka memajukan kemahiran mereka dan menambahkan daya pengeluaran mereka. Kerajaan akan membuat apa sahaja yang dapat untuk menyokong Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam usahanya menggalakkan pekerja-pekerja bagi menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang akan berkerjasama rapat dengan Majikan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang menghala ke arah tugas kita pada masa sekarang terhadap pembinaan negara.

Adalah jelas bahawa masalah-masalah besar yang dihadapi oleh Negeri kita pada hari ini bukanlah lagi ditentukan oleh kadar pengangguran yang tinggi dan keadaan ekonomi yang beku yang telah dialami di dalam Negeri kita ini pada beberapa ketika dahulu, kerana masalah-masalah ini telahpun diatasi. Pada hari ini kita telah sampai ke suatu peringkat dalam pembangunan sosio-ekonomi kita, di mana Kerajaan Negeri, sambil terus menetapkan rancangan-rancangan perindustrian ekonomi yang telahpun dimulakan, akan sekarang melaksanakan dengan giatnya rancangan-rancangan baru yang ditumpukan pada khususnya bagi tujuan memperbaiki taraf sosial penduduk-penduduk kita.

Kita akan menentukan bahawa dengan kemajuan ekonomi yang semakin

bertambah, usaha menyatupadukan masyarakat kita akan bermakna bahawa tiap-tiap seorang di dalam Negeri ini akan diberi peluang-peluang yang sama bagi menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan keadaan hidup yang lebih sempurna. Dengan itu, Kerajaan sekarang telah menumpukan usahanya ke arah pelaksanaan dengan pesatnya rancangan-rancangan sosial berhubung dengan rancangan-rancangan perbandaran desa di kawasan-kawasan di mana perindustrian desa telahpun bermula. Kita yakin bahawa, di bawah pimpinan Ketua Menteri yang berkebolehan dan tidak tahu penat-lelah, Kerajaan Negeri akan dapat melaksanakan rancangan-rancangan baru ini dengan kecergasan dan dedikasi yang sama yang telah mengujukkan kemajuan ekonomi yang pesat dalam beberapa tahun yang lalu.

Rancangan-rancangan telahpun dimulakan ke arah matlamat strategi ini untuk membuka kawasan-kawasan perindustrian baru seperti di kawasan Nibong Tebal—Bukit Panchor/Changkat. Bagaimanapun, pada masa yang sama Kerajaan Negeri akan memulakan satu rancangan hebat untuk menyediakan perumahan; kemudahan-kemudahan membeli-belah; pengangkutan awam; kemudahan-kemudahan hiburan dan lain-lain kemudahan sivil seperti sekolah-sekolah, hospital-hospital, balai rakyat-balai rakyat dan badan-badan pentadbiran untuk menemui keperluan masyarakat yang semakin bertambah yang berhampiran dengan kawasan-kawasan perusahaan Bayan Lepas di Kompleks Perai—Bagan Serai—Mak Mandin yang telah ditubuhkan itu.

Berhubung dengan pembangunan perumahan, Kerajaan akan memulakan rancangan-rancangan perumahan awam yang akan memberikan kemudahan perumahan yang cukup di beberapa tempat dalam Negeri ini untuk pekerja-pekerja baru di kilang-kilang kita dan juga untuk mereka yang dalam kumpulan berpendapatan rendah. Melalui agensi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri pada tahun ini akan memulakan pembinaan sebanyak kira-kira 1,000 yunit rumah berhampiran dengan kompleks-kompleks perindustrian. Kerajaan Negeri pada

masa ini sedang menimbang dengan giatnya penubuhan sebuah Lembaga Perumahan yang bukan sahaja akan mentadbirkan rancangan perumahan yang sedia ada, tetapi juga akan memulakan pembinaan yunit-yunit baru rumah murah.

Untuk tahun 1974, Kerajaan akan menyiapkan pembinaan 470 yunit rumah pangsa di Kampong Melayu bagi Peringkat Keempat. Tindakan selanjutnya bagi memulakan pembinaan 800 yunit tambahan rumah murah di Taman Free School dan 300 yunit di Kuala Muda akan dijalankan. Selain daripada projek-projek ini, Kerajaan Negeri pada masa ini sedang berunding untuk memberi milik tanah kepada Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang akan membina rumah-rumah untuk kakitangan Kerajaan pada khususnya.

Dari kedudukan inflasi yang berlaku di seluruh dunia pada hari ini, perlaksanaan rancangan rumah-rumah rakyat yang terbesar seperti ini memerlukan usaha yang kuat untuk mengadakan bahan-bahan dan wang serta penyusunan kebolehan-kebolehan tempatan kita bagi pembangunan rancangan-rancangan ini mengikut kadar yang akan memenuhi keperluan-keperluan sosial kita pada hari ini. Bagaimanapun, Kerajaan yakin bahawa rundingan yang telahpun dimulakan di antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan; badan-badan kewangan dan bank-bank; dan pakar-pakar dalam lapangan binaan bangunan akan membolehkan kita pada tahun ini meletakkan asas-asas yang kukuh bagi kemajuan rancangan perumahan awam dan sektor swasta yang terbesar berhubung dengan rancangan kita bagi perbandaran kawasan desa.

Berhubung dengan rancangan perbandaran, Kerajaan akan menyelesaikan prosesnya bagi penyusunan semula Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Tidak lama lagi pada tahun ini Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang ada sekarang akan disatukan untuk menjadi dua pihak berusaha; satu untuk memberi perkhidmatan kepada pembayar-pembayar hasil di Pulau ini, dan satu lagi bagi mereka di Seberang Perai. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan

(Peruntukan Sementara) Tahun 1973, yang telah diluluskan oleh Parlimen, Kerajaan Negeri akan melantik ahli-ahli Lembaga Pengurusan untuk berkhidmat di dalam kedua-dua Majlis ini sebaik-baik sahaja penyatuan Kerajaan Tempatan telah diselesaikan.

Satu daripada aspek yang penting mengenai penyatuan ialah bahawa kawalan perancangan dan pembangunan akan diselenggarakan di peringkat Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak lama lagi akan membentangkan satu Rang Undang-undang di Parlimen untuk membolehkan tugas-tugas Jawatankuasa Perancangan dan Pengawasan Pembangunan Negeri dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Bagaimanapun pada masa ini, perkara aspek-aspek perancangan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan adalah disalurkan kepada Jawatankuasa Perancangan dan Pengawasan Pembangunan Negeri dan satu Pelan Sementara Pembangunan bagi seluruh Negeri akan dapat disediakan pada tahun ini.

Penyatuan masyarakat melibatkan usaha yang cermat bagi menyusun semula masyarakat kita yang berbilang bangsa pada hari ini supaya menjadi sebuah negara Malaysia yang mempunyai identitinya sendiri. Di dalam perkara ini, Kerajaan Negeri telahpun memulakan rancangan-rancangan khas yang akan membolehkan penyertaan Bumiputra secara luas lagi dalam lapangan pembangunan ekonomi kita, khususnya di dalam lapangan perniagaan dan perindustrian. Kita yakin bahawa dengan kadar kemajuan sosio-ekonomi yang sedang berlaku dalam Negeri ini kita mempunyai kebolehan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra Yang Kedua, iaitu dalam jangka masa 20 tahun yang akan datang. Pada masa ini Kerajaan Negeri, telahpun mengarahkan jabatan-jabatannya seperti Jabatan Kerja Raya dan jabatan-jabatan yang serupa dalam lain-lain badan separuh Kerajaan untuk melaksanakan dasar kebangsaan dalam perkara memberikan kontrol-kontrol, terutamanya bagi kerja-kerja pembinaan, perbekalan dan perkhidmatan, kepada pertubuhan-pertubuhan Bumiputra.

Melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah pun menggalakkan penubuhan Syarikat Nusantara Pulau Pinang Berhad dan juga Penang Commercial Industrial Development Sendirian Berhad. Adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya perusahaan bumiputra dapat menambah kepada perusahaan-perusahaan yang sedang dijalankan oleh lain-lain kaum dalam Negeri ini supaya mereka boleh menyertai dengan lebih berkesan lagi dalam rancangan-rancangan pembangunan, khasnya usaha-usaha pembinaan yang berhubung dengan perbandaran kawasan desa melalui usaha bersama yang melibatkan sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan Bumiputra. Pada masa ini rundingan-rundingan sedang diadakan untuk menubuhkan PENCON sebagai satu pertubuhan pembinaan yang terbesar, yang akan dapat menyokong rancangan-rancangan pembangunan dan perumahan yang mula dijalankan oleh Kerajaan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan lain-lain badan separeh Kerajaan.

Dengan pembangunan ekonomi yang berlaku dengan pesatnya di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengadakan kerjasama yang lebih rapat dengan Negeri-negeri jiran seperti Perlis, Kedah dan Perak. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah juga berhubung terus dengan Lembaga Pembangunan Pahang Tenggara supaya dapat kerjasama yang lebih rapat lagi dengan Lembaga tersebut. Bersamanya dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga berusaha mendapatkan hubungan perdagangan yang lebih rapat dengan negara-negara tetangga, terutama sekali dengan Indonesia dan Thailand.

Dari hubungan antarabangsa, usaha menyamakan Bandaraya-Bandaraya George Town dengan Adelaide baru-baru ini dan pertukaran lawatan-lawatan antara Perdana Menteri Australia Selatan, Yang Amat Berhormat Tuan Don Dunstan dan Ketua Menteri kita telah mengujudkan perhubungan yang lebih rapat dalam kedua-dua bidang persahabatan dan perdagangan di antara Pulau Pinang dengan Australia Selatan. Kemajuan ekonomi yang pesat

yang dicapai oleh Negeri kita akan menentukan bahawa pelabuhan Pulau Pinang terus menjadi pelabuhan yang terpenting bagi memberi khidmat kepada wilayah utara Malaysia. Kemudahan-kemudahan pelabuhan akan terus diperbaiki dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah membuat peruntukan sebanyak \$63 juta bagi berbagai-bagai rancangan pembangunan pelabuhan untuk tahun 1974. Rancangan-rancangan ini termasuklah menambahkan kemudahan untuk kargo pukal di Perai, kemudahan-kemudahan muatan *container*, gudang-gudang perniagaan dan pembinaan pengkalan dermaga yang keenam dan pengkalan untuk tongkang-tongkang di Dermaga-dermaga Butterworth.

Sejak penukaran lawatan antara Ketua Menteri dan rakan-rakannya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai tinggi dari Indonesia baru-baru ini, perdagangan antara Pulau Pinang dan Indonesia telah meningkat maju. Dalam tahun 1971 eksport kita ke Indonesia berjumlah \$8 juta dan pada akhir tahun 1972 ianya telah meningkat lebih daripada \$11 juta, iaitu satu tambahan sebanyak \$3 juta. Oleh kerana laporan tahun 1973 hanya melibatkan suku tahun yang pertama, adalah walaubagaimanapun menarik bahawa angka yang dicatatkan telahpun melebihi \$4 juta.

Kerajaan Negeri sangatlah bimbang di atas masalah-masalah yang telah timbul akibat inflasi dan kenaikan harga barang-barang keperluan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah inflasi ini. Bagaimanapun, kita semua mestilah faham bahawa kenaikan harga barang-barang keperluan yang luar biasa ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh inflasi dari luar negeri. Kita sedang berusaha sedaya-upaya kita untuk mengurangkan inflasi yang disebabkan oleh perkara-perkara dalam Negeri akan tetapi keadaan harga barang-barang telah menjadi lebih buruk lagi disebabkan kekurangan bekalan-bekalan akibat dari sebab-sebab yang jahat, seperti mencari untung yang berlebihan, penyorokan dan spekulasi. Oleh yang demikian, dalam hal ini,

sangatlah perlu bagi penduduk-penduduk kita untuk bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, sekiranya kita hendak mengatasi dan menentang dengan berkesan akibat-akibat buruk inflasi yang bersifat antarabangsa.

Kerajaan Negeri telah memberi sepenuh bantuan dan kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan dalam usahanya untuk mencegah inflasi di semua peringkat. Kerajaan Negeri telah juga menubuhkan tiga buah jawatankuasa yang besar di Negeri ini untuk menasihatkan Kerajaan dan membantu penduduk-penduduk kita supaya dapat mengurangkan masalah-masalah berhubung dengan kenaikan harga-harga dan kesempitan hidup yang timbul daripadanya. Kerajaan Negeri telahpun mengarahkan Yunit Perancang Negeri untuk meneliti dengan cermat perbelanjaan oleh semua Jabatan-jabatan Negeri untuk menghapuskan kerja membazir dan juga untuk mengaturkan rancangan-rancangan mereka mengikut satu cara yang akan menentukan semua projek yang tidak mendatangkan faedah diawasi dengan sewajarnya dan, jika perlu, diketepikan. Ketua-ketua berbagai-bagai jabatan telahpun diarah untuk berhati-hati mengeluarkan perbelanjaan yang diperuntukkan dan permohonan pindah peruntukan yang tidak mustahak akan dikurangkan. Dalam pada itu juga, Kerajaan telahpun mengadakan Peti Surat Pulau Pinang 9000 yang membolehkan orang ramai berhubung terus dan mengemukakan kepada Kerajaan sungutan-sungutan mereka dan juga cadangan-cadangan mereka tentang cara-cara menentang kenaikan harga-harga yang tidak menasabah dan semua surat-menyurat mereka akan dirahsiakan.

Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menentang inflasi telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan pertubuhan-pertubuhan sektor perniagaan. Kerajaan Negeri telah juga mengerahkan tenaga Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah untuk membincangkan sebab-sebab kenaikan harga barang-barang keperluan dan memberi nasihat kepada mereka cara-cara bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Rancangan sedang disiapkan bagi Kerajaan

menubuhkan wakil-wakil perniagaan sebagai menyambut keputusan-keputusan PERNAS untuk menubuhkan satu syarikat bagi pengedaran barang-barang keperluan. Wakil-wakil ini akan dapat mengadakan satu sistem yang lebih berkesan tentang perbekalan barang-barang kepada pekedai-pekedai runcit, supaya pengguna-pengguna terutama sekali suri-suri rumahtangga akan dapat membelinya dengan harga semurah-murahnya. Kita mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada penduduk-penduduk kita di atas sokongan yang mereka telah beri kepada Kerajaan dan juga meminta mereka meneruskan sokongan ini untuk mengurangkan kesempitan hidup akibat inflasi. Tidak syak lagi amalan mengambil untung yang berlebihan ini dapat dibasmikan melalui tindakan bersama di antara pihak pengguna-pengguna dan pihak berkuasa Kerajaan.

Kerajaan Negeri telah menguatkan usaha-usahanya untuk menggalakkan dan memajukan perusahaan pelancungan. Lebih ramai lagi pelancung-pelancung melawat Pulau Pinang pada hari ini dan kita dengan yakin menjangka lebih banyak lagi akan melawat Pulau Pinang. Dalam tahun 1970 bilangan pelancung-pelancung asing yang melawat Pulau Pinang berjumlah 39,457 orang, tetapi setakat 1973, angka ini telah meningkat kepada satu rekod yang baru seramai 92,000 orang. Sebuah bahagian khas dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah ditugaskan dengan tanggungjawab untuk penggalakkan dan kemajuan pelancungan. Adalah diramalkan bahawa kita boleh menjangka kemasukan pelancung-pelancung antarabangsa akan meningkat hampir 330,000 orang menjelang tahun 1980. Untuk memenuhi anggaran mengadakan 1,150,000 katil-katil tidur bermalam untuk pelancung-pelancung ini, rancangan kemajuan pelancungan Negeri adalah menggalakkan supaya diadakan kira-kira 4,500 bilik-bilik hotel, menjelang tahun 1980.

Kadar kegiatan kemajuan sosio-ekonomi telah mengakibatkan, dengan cara yang tidak dapat dielakkan, sedikit sebanyak perpecahan dalam curak hidup

penduduk-penduduk kita. Jalan ke arah kemajuan penuh dengan cabaran kepada penduduk kita. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, maka perlulah penduduk kita mengubah sikap mereka supaya dapat mengubahsuai diri kepada masyarakat Malaysia yang baru yang sedang diwujudkan. Kita gembira bahawa penduduk-penduduk di Pulau Pinang telah menerima cabaran-cabaran ini dengan baik. Kami ingin memuji mereka kerana kerjasama dan pengorbanan mereka yang telah menentukan bahawa tugas memajukan ekonomi Negeri ini telah juga mengujutkan satu masyarakat yang setabil, bersatupadu dan aman. Kerajaan telah menganjurkan rancangan-rancangan seperti projek-projek jaya diri dan Gerakan Pembaharuan di semua peringkat masyarakat kita supaya dapat menentukan penduduk-penduduk kita boleh menyesuaikan diri mereka dengan mudah kepada masyarakat baru yang progresif dan adil yang kita berusaha untuk wujudkan.

Kerajaan menghargai keperluan untuk mengatasi kesempitan hidup akibat perpecahan curak hidup dan akan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi dengan adil dan saksama untuk mengurangkan masalah-masalah yang timbul dari perpecahan curak hidup ini. Di mana tanah-tanah swasta perlu diambil untuk kegunaan awam, Kerajaan akan mengambilalih kawasan-kawasan yang berkenaan itu mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pengambilan Tanah. Kerajaan disetiap ketika telah memberi pampasan yang adil dan berpatutan kepada semua mereka yang terlibat dan Kerajaan menerima bahawa di mana terdapat apa-apa perasaan tidak puas hati, maka keputusan Mahkamah akan dipatuhi.

Malangnya, banyak dalam kes-kes pengambilan tanah ini dan juga di dalam pentadbiran sempurna tanah Kerajaan, masalah setinggan-setinggan timbul. Kerajaan telah menyatakan pada beberapa ketika bahawa dasarnya ialah untuk menentukan supaya setinggan-setinggan di atas tanah Kerajaan akan dipindahkan mengikut peraturan, dan mereka tidak akan dibiarkan untuk menjadi setinggan di kawa-

san lain. Bagaimanapun, hendaklah disedari bahawa Kerajaan tidak akan dapat memenuhi kehendak-kehendak khas bagi tiap-tiap seorang yang terlibat, dan masalah setinggan ini adalah satu masalah yang besar dalam Negeri kita. Oleh yang demikian, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa di mana pemindahan setinggan perlu untuk kepentingan umum, tempat-tempat tinggal yang baru akan disediakan untuk setinggan-setinggan yang berkenaan. Bagaimanapun, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk mentadbirkan tanah-tanah awam yang diamanahkan kepada Kerajaan mengikut kepentingan terbaik orang ramai. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengarahkan semua Pemungut Hasil Tanah untuk mengambil tindakan yang sewajarnya supaya menentukan tidak ada setinggan baru yang menduduki secara haram tanah Kerajaan. Akan tetapi di masa yang sama, dasar-dasar Kerajaan untuk kemajuan perumahan adalah juga bertujuan bagi memenuhi keperluan-keperluan pemindahan semula setinggan-setinggan yang ada dalam Negeri ini buat masa sekarang.

Kita suka mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana sokongannya kepada Negeri ini dalam melaksanakan beberapa projek besar yang akan memberi kemajuan yang semakin lebih kepada Negeri ini. Hasil daripada kerjasama yang rapat dan persefahaman yang ada di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan, banyak masalah-masalah telah diatasi dan banyak juga faedah telah didapati oleh Negeri ini. Adalah jelas bahawa pembangunan Lebuh raya Timur-Barat akan memberi kesan yang besar kepada ekonomi Pulau Pinang oleh kerana ia akan membuka kawasan-kawasan pendalaman yang luas bagi memberi perkhidmatan kepada pelabuhan, badan-badan perusahaan dan perdagangan dalam Negeri kita.

Pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Razak pada 1hb Januari bahawa projek jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung akan dilaksanakan pada tahun ini telah diikuti dengan be-

berapa mesyuarat di Kementerian Kerjaraya dan Tenaga di antara pegawai-pegawai Negeri dan pegawai-pegawai dari pihak-pihak berkuasa Persekutuan yang berkenaan. Jambatan ini adalah menjadi hakikat. Oleh yang demikian, tidaklah perlu lagi apa-apa pertingkar politik mengenai perlaksanaannya. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja kejuruteraan permulaan akan dijalankan pada tahun ini. Tidak syak lagi bahawa siapnya jambatan ini akan menjadi penting sekali untuk kemajuan dan perkembangan ekonomi yang lebih pesat lagi bagi Negeri Pulau Pinang di masa hadapan. Kerajaan telah mengisytiharkan satu kawasan tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah. Sebaik-baik sahaja kajian untuk jambatan ini selesai dan kawasan untuk sistem perhubungan yang diperlukan diambil, maka pengisytiharaan yang melibatkan kawasan tanah lain akan luput.

Selanjutnya, sekarang telahpun dipersetujui bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang akan diperbesarkan lagi untuk menyediakan satu landasan yang akan dapat menerima kapalterbang-kapalterbang jet yang terbesar yang sekarang digunakan. Kerja-kerja pengambilan tanah untuk lapangan terbang yang baru dan besar ini di Bayan Lepas hampir selesai dan kerja-kerja menyediakan tapak akan dimulakan pada penghujung tahun ini. Sekali lagi ini adalah juga satu keuntungan besar kepada Negeri Pulau Pinang dan akan menyumbangkan dengan banyaknya bagi menambatkan *potential* ekonomi kita, khususnya dalam bidang pelancungan. Ini akan juga berarti bahawa kesemua rancangan perbandaran di dalam dan disekitar Bayan Lepas akan memperolehi makna yang lebih penting lagi.

Kerajaan Negeri telah mengumumkan pada beberapa ketika pembangunan dua buah bandar satelit di Bayan Lepas dan di Bagan Serai yang akan menambah kepada rancangan perbandaran Negeri ini pada keseluruhannya supaya dapat menubuhkan satu kawasan bandar nanti yang luasnya kira-kira sepuluh kali ganda besarnya daripada kawasan-kawasan perbandaran yang ada sekarang di

Negeri ini. Pembangunan-pembangunan ini akan dikaitkan dengan pembangunan Pusat Bandaraya yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 1hb Januari tahun ini. Projek Pusat Bandaraya ini adalah satu projek jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam lima peringkat dan meliputi tempoh masa selama sepuluh tahun dan ianya akan dirancang untuk mengikut cara yang akan melibatkan perpecahan curak hidup yang sekurang-kurangnya kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan itu. Pada masa yang sama, pembangunan Pusat Bandaraya ini akan melengkapkan strategi perbandaran masa panjang yang dijangkakan oleh rancangan sosio-ekonomi Negeri ini.

Semua kemajuan dan kejayaan yang tercapai sehingga ini dan mengikut tempo pembangunan ekonomi dan sosial yang tidak mempunyai persamaan sebelumnya telah dicapai oleh sebab adanya kesetiaan dan dedikasi pegawai-pegawai di semua peringkat pentadbiran. Mereka telah memberi sambutan cemerlang kepada pimpinan Kerajaan dan, walaupun mengalami kekurangan kakitangan dan menghadapi beberapa masalaah-masalaah baru, mereka pada setiap ketika telah menjalankan tugas-tugas dan kewajipan dalam semangat perkhidmatan awam yang tradisi dan telah bertindak selaras dengan semangat Rukunegara. Kita perlu mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada mereka di atas perkhidmatan yang telah dijalankan begitu cekap dan tertib bagi membolehkan semua penduduk-penduduk kita mencapai peringkat kemajuan pembangunan yang ada sekarang. Walaupun bagaimanapun, merekalah yang mula-mula menerima bahawa mereka mestilah disetiap ketika terus berusaha untuk mengadakan satu pentadbiran yang lebih baik, lebih berkesan dan lebih cekap yang boleh bertugas rapat dan mesra dengan penduduk-penduduk kepada siapa perkhidmatan mereka diberikan.

Kita sekarang berada di ambang suatu zaman baru bagi kemajuan Negeri dan sebenar-benarnya bagi menyelesaikan penyusunan semula masyarakat kita. Malaysia pada esok hari

akan mempunyai satu identitinya yang sendiri dan satu masyarakat yang adil dan saksama, di mana semua orang Malaysia mempunyai hak dan kedudukan yang sewajarnya untuk bersama-sama menikmati dengan sama rata segala kemudahan dari ekonomi Malaysia yang kian berkembang. Di Negeri Pulau Pinang, kita telah memelopori banyak daripada rancangan-rancangan yang menjadi asas Dasar Ekonomi Baru. Kita telah mencapai banyak kejayaan dari usaha-usaha Kerajaan kita dan juga rakyat kita yang telah menyokong Kerajaan tanpa berganjak pada semua ketika. Bagaimanapun, kita tidaklah seharusnya berpuashati dengan kejayaan yang telah dicapai. Kita mestilah terus bekerjasama dengan semangat persaudaraan sebagai rakyat Malaysia dan kita hendaklah dengan penuh dedikasi berusaha lebih rajin lagi untuk mencapai satu identiti Malaysia yang bersatupadu yang akan bermakna kepada jenerasi-jenerasi Malaysia yang akan datang.

Akhir kata, hendaklah jelas kepada tiap-tiap orang di Negeri kita ini bahawa rakyat kita mestilah bertindak pada tiap-tiap masa di dalam semangat orang-orang Malaysia tulin untuk mengekalkan keamanan dan kesetabilan Negeri kita dan Negara kita ini. Mereka semua perlu membuat pengorbanan-pengorbanan besar, tetapi sekiranya segala kejayaan yang dicapai dalam beberapa tahun yang lalu telah membuat mereka sedar bahawa pengorbanan mereka itu berguna, maka mereka bolehlah berusaha bersama di dalam semangat perpaduan kebangsaan untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat bagi Negeri Pulau Pinang pada tahun-tahun hadapan. Terimakasih.

Tuan Speaker: Tuan Yang Terutama, benarkanlah patek berucap sepatah dua kepada Dewan ini.

Sebentar lagi Tuan Yang Terutama akan berangkat keluar daripada Dewan ini dan Dewan ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang ini. Dan saya dengan sukacitanya menjemput Ahli-ahli dan para jemputan khas ke jamuan teh di perkarangan bangunan Dewan ini.

(Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Mulia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah diiringi oleh Juru-iring-juruiring keluar dari bilik Dewan, di dahulu oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan Undangan).

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 2.33 petang.

3. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 1 hingga 3 tahun 1974 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

Datuk Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 22 (1) saya mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam membentangkan Risalat 4 tahun 1974.

Ahli Kawasan Dhoby Ghaut (Encik Khoo Teng Chye): Datuk Speaker, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas Bilangan 4 tahun 1974, iaitu Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Awam atas Kira-kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir pada 1971 dan Penyata penuh Juru Odit Negara atasnya.

4. (A) JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN

(I) Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah peringkat-peringkat di dalam pembangunan Pusat Perbandaran?

(1. (a) How many phases are there in the development of the Urban Centre?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, lima peringkat.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Nombor 1 (b).

1. (b) Berapa lamakah jangka masa bagi menyiapkan tiap-tiap peringkat?

(1. (b) What is the estimated time for completing each phase?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, Peringkat I dijangka siap dalam tempoh 4½ tahun. Pembangunan bagi peringkat-peringkat lain dan tarikh siapnya adalah bergantung kepada siapnya Peringkat I dan adalah dijangka keseluruhan projek akan siap dalam tempoh lebih-kurang 10 tahun.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Dengan izin, Tuan Speaker: Can't the Honourable the Chief Minister give us a specific answer as to the period? Admittedly, we appreciate that it will depend on the completion of the first phase. But the estimated completion time of the first phase is 4½ years. So, basing on the fact that the first phase will be completed in 4½ years, can he give us the approximate time of completion for each of the other phases? It is a simple question.

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya ingat di dalam jawapan saya tadi, jika Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ayer Itam mendengar dengan teliti, soalan tambahan itu tidak dibenarkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, it appears that the Honourable the Chief Minister is unable to give a specific answer to those questions. In other words, he is not aware as to the time when the second phase is to be completed, the third phase and the fourth phase. He can only give us a rough estimate as to the final phase within that 10-year period.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli dari Ayer Itam, saya percaya Yang Amat Berhormat telah memberi jawapan itu dengan sepenuhnya. Saya harap soalan itu tidak payahlah diulang lagi.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ingat dia sudah beri keterangan yang terang tetapi soalan saya soalan yang bersangkutan dengan tiap-tiap *phase*. Tidak bolehkah dia jawab *phase* kedua berapa tahun, *phase* ketiga berapa tahun, *phase* keempat berapa tahun. Itu tidak susah. Saya ingat jikalau tahu. Jikalau tidak tahu boleh jawab tidak tahu, saya boleh duduk.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, soalan itu sudah dijawab. Saya tidak benar dijawab lagi.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, dengan izin: Soalan tambahan.

Mr Speaker, Sir, the Honourable the Chief Minister in his answer to the question just now said that the first phase will be completed within 4½ years—that is 1978, September. So all the five phases will be completed within 10 years. I don't know how the Honourable the Chief Minister thinks that he can space out the programmes for these projects.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Ajam, soalan itu sudah dijawab dan soalan itu cuma Yang Berhormat sambung soalan itu. Saya tidak benarkan Yang Amat Berhormat jawab soalan itu lagi.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Dalam peringkat-peringkat yang disiap dan juga dalam kesemua Pusat Perbandaran rancangannya, berapakah peratus peruntukan untuk Bumiputra?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, soalan itu soalan lain. Saya tidak benarkan soalan semacam itu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tidak boleh jawablah.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, soalan 1 (c).

1. (c) Kawasan-kawasan tanah dan bangunan-bangunan apakah yang terlibat di dalam tiap-tiap peringkat?
- (1. (c) What specific areas of land and buildings are affected in each of the phases?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, sebelum saya terus menjawab dengan soalan 1 (c), saya harapkan Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam jangan buang masa dengan menyatakan yang saya tidak boleh jawab. Saya harapkan dia dengar baik-baik apa-apa yang saya bercakap bila saya jawab soalan-soalan yang beliau bangkitkan di sini.

Tuan Yang Dipertua, tanah dan bangunan yang terlibat dalam tiap-tiap peringkat adalah seperti berikut:

Peringkat I—Kawasan yang meliputi Penang Road/Magazine Road/Cross Street/Tek Soon Street adalah 31,500 kaki persegi tanah yang mana seluas 182,516 kaki persegi dipunyai oleh Majlis Bandaraya. Bangunan-bangunan yang terlibat adalah seperti berikut:

184 buah rumah kediaman, 60 buah kedai, 3 buah bangunan perusahaan, 1 Pejabat Kenderaan, 1 Stesyen Bomba, gerai-gerai makan di Tek Soon Street dan Jalan Cheong Fatt Tze dan di Jalan Gladstone.

Ada sejumlah 26 tuan tanah bagi peringkat ini.

Tuan Yang Dipertua, Peringkat Kedua kawasan yang meliputi Tek Soon Street/Jalan Ria/Jalan Maxwell/Jalan belakang Penang Road.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, bolehkah Ketua Menteri cakap perlahan sedikit sebab kita mahu tulis apa yang dia jawab. Tidak guna cakap dengan cepat, kita tidak boleh tulis. Jawapan ini adalah untuk memberi keterangan kepada orang ramai sebab itu, saya sebagai wakil mesti mempunyai masa untuk menulis.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya tidak bagi peluang.

Tuan Speaker, saya ingat saya pun memberi jawapan saya dengan perlahan sekali. Sebab yang pertama, saya tahu yang Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam telinganya tidak berapa baik dan kedua tulisannya tidak cekap.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Itu adakah mengikut Peraturan *meeting*, Tuan Speaker? *Under Standing Orders*?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): A bit personal.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Peringkat Kedua kawasan yang meliputi Tek Soon Street/Jalan Ria/Jalan Max-

well/Jalan belakang Penang Road. Bangunan-bangunan yang terlibat adalah seperti berikut:

91 buah rumah kediaman, 8 buah kedai, 2 buah panggung wayang, 3 buah sekolah dan sebuah Pejabat Pos.

Ada sejumlah 10 tuan tanah di peringkat ini.

Tuan Yang Dipertua, Peringkat Ketiga, kawasan meliputi Cross Street/Magazine Road/McNair Street/Tek Soon Street. Bangunan-bangunan yang terlibat adalah 93 buah rumah kediaman, 25 buah kedai, 4 bangunan perusahaan dan ada 23 tuan tanah terlibat dalam peringkat ini.

Tuan Yang Dipertua, Peringkat Keempat, kawasan yang meliputi Tek Soon Street/Jalan Ria/Jalan Maxwell dan McNair Street. Bangunan-bangunan yang terlibat adalah seperti berikut:

123 buah rumah kediaman, 49 buah kedai, 3 bangunan perusahaan, 2 panggung wayang, 1 taman hiburan.

Ada 26 tuan tanah dalam peringkat ini.

Tuan Yang Dipertua, Peringkat Kelima, kawasan meliputi Penang Road/Bridge Street/Magazine Road/McNair Street. Bangunan-bangunan yang terlibat adalah seperti berikut:

267 buah rumah kediaman, 62 buah kedai, 4 bangunan perusahaan dan ada 67 tuan tanah yang terlibat dalam peringkat ini.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker, soalan tambahan, dengan izin: Will the Chief Minister confirm that the theatre belonging to Shaw Brothers, and the premises now occupied by Oriental Emporium have been excluded from this particular development?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya ingat soalan ini adalah soalan lain. Saya ingat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sudah memberi jawabannya. Ini soalan lain—kalau Ahli Yang Berhormat mahu soal boleh buat di masa soalan lain kali. Saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Saya boleh terangkan soalan ini. Kita mahu tahu jika benar bangunan Shaw Brothers dan Oriental sudah dikecualikan daripada rancangan ini dan kalau dikecualikan apa sebabnya? Sebab orang itu ada *influence*, kaya atau apa—itu rakyat mahu tahu.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya sudah beri keputusan saya, itu adalah soalan lain. Jika Yang Berhormat berkehendakkan soalan ini boleh soal di lain kali. Saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Bolehkah saya bertanya berkenaan dengan soalan tambahan? *Phase No. 2*—adalah *area* di Tek Soon Street, Jalan Ria, Jalan Maxwell dan Penang Road. Dalam *area* ini ada satu panggung wayang dan juga ada satu *emporium*. Bolehkah Ketua Menteri beri keterangan? Emporium dan panggung wayang ini ada atau tidak mahu pecah kerana ini bersangkutan dengan *second phase*. Kita mesti mahu tahu. Bolehkah Ketua Menteri beri keterangan?

Tuan Speaker: Yang Berhormat, soalan ini samalah juga dengan soalan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelawei. Oleh itu saya tidak benarkan. Kalau berkehendakkan juga soalan ini, silalah soal di lain kali.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Saya mahu bagi sedikit keterangan. Saya tidak tanya *motivation*. Apa sebab itu tidak pecah atau apa yang lain?

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tidak pandai.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Dalam kawasan itu ada panggung wayang. Kita mesti tahu rancangan ini hendak dijalankan. Kita mahu tahu panggung wayang bagai mana? Apa mahu buat kepada bangunan itu? Mahu pecah atau biar di situ?

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, soalan itu samalah juga dengan soalan Yang Berhormat Ahli dari Kelawei, oleh itu saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri beri-

tahu dalam kawasan yang terlibat adakah setengah-setengah bangunan dikecualikan?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, berikut apa yang diputuskan oleh Yang Dipertua—sungguhpun saya boleh jawab—lain tidak ada apa-apa tanah yang dikecualikan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker Soalan 1 (d).

1. (d) Berapakah anggaran perbelanjaan bagi tiap-tiap peringkat dengan memberi angka-angka pecahan bagi:

- (i) Harga Tanah?
- (ii) Harga Bangunan?
- (iii) Harga bayaran-bayaran kepada Akitek-akitek, pakar-pakar perunding?
- (iv) Perbelanjaan bagi *infrastructure*?

(1. (d) What are the estimated costs of each phase, giving a breakdown for:

- (i) Costs of land?
- (ii) Costs of Buildings?
- (iii) Costs of fees to Architects, Consultants?
- (iv) Costs of Infrastructure?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, soalan ini ada 4 bahagian, tetapi saya menjawab kesemuanya bahagian di dalam soalan ini. Anggaran harga tanah adalah lebihkurang \$21 juta.

Perbelanjaan bagi peringkat 1 dianggarkan \$77 juta semasa projek ini mula dijalankan. Tetapi patutlah difahami oleh semua Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa sejak dari masa itu kami telah membuat perhitungan mengenai kenaikan harga-harga dan telah membuat kajian yang muktamat bagi harga-harga bangunan tidak akan dapat dibuat hingga tawaran diterima.

Jumlah bayaran pembangunan kepada pakar-pakar perunding bagi Peringkat I adalah 9½% daripada jumlah tawaran. Di sini saya hendak terangkan di dalam pakar-pakar perunding ada 5 bahagian. Pakar-pakar perunding di dalam *Development Consortium* ialah Ove Arup dan Rakan-rakan adalah Structural Civil Engineering Consultants, Jurubina Bertiga—Architects Team Three yang mana adalah Planning and Architectural Consultants dan Pakatan

Juru-juru Ukur Antarabangsa atau Quantity Surveyors and Building Costs Consultants dan KCP Juara Consult Mechanical and Electrical Engineering Consultants dan juga Juru Nilai Malaysia atau Valuation Surveyor and Management Consultants dan jumlah semua pakar-pakar perunding ini mendapat 9½% daripada jumlah tawaran.

Dan berikut bahagian keempat di dalam soalan, mengikut Peraturan Dewan ini 25 (3) ini tidak menjadi faedah umum untuk memberitahu anggaran perbelanjaan bagi Peringkat 1. Harga *infrastructure* bagi Peringkat I ada tertakluk kepada (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Malu.

Ketua Menteri: harga tawaran. Tuan Yang Dipertua, saya menjawab semacam ini tetapi di dalam Dewan ini saya dengar Yang Berhormat Ahli Kawasan Kelawei adalah seorang yang berani lari motokarnya sendiri cakap malu, tetapi saya harap (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Cakaplah tidak ada modal.

Ketua Menteri: beliau terima apa yang saya jawab di belakang sekali. Saya tidaklah boleh beri jawapan soalan ini sebablah harga *infrastructure* ini tertakluk kepada harga tawaran. Ini saya ingat semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini terima bahawa ini adalah satu faedah umum.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker, dengan izin: Surely, Mr Speaker, Sir, that decision is to be made by you and not by the Ketua Menteri. Under Order 25 (3), that is your prerogative, and not that of the Ketua Menteri. You have not made a ruling as far as I am concerned.

Tuan Speaker: Permintaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri saya benarkan. Oleh itu, saya tidak hendak dijawab perkara itu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan dengan jawapan kepada soalan d (iii), Ketua Menteri ada beri berkenaan tiap-tiap pakar—ada 5 dia kata. Tetapi bolehkah

dia memberitahu kepada *Assembly* ini 9½% jumlah semua? Kita mahu tahu berapa *per cent.* untuk tiap-tiap satu pakar iaitu Jurubina Team Three dan sebagainya. Kita mesti hendak tahu.

In other words, if 9½% of the overall cost goes to all the consultants surely he can let us know as to the proportion he has paid to each of the five consultants here.

Ketua Menteri: However, to reply to the supplementary question of the Honourable Member from Ayer Itam, I had to make it very clear that the Honourable Member from Kelawei, as usual, has been very mischievous because he has again said that with regard to this Urban Centre project 9½ per cent would accrue to Architects Team Three. And I say first of all that although the total overall cost of the Urban Centre project is estimated at \$200 million this is what we call an investment project where there is a rotating capital which would not go beyond \$5 million over and above the amount required for land acquisition. And as such, therefore, it is incorrect to refer to this as a \$200 million project; but rather, to be more precise, it is a project which is phased. And being an investment project it has that factor in it whereby the project will generate the financing that is required over the development of consequential phases. And the 9½ per cent is to be paid to the Consortium, as I have said, which include 5 different groups of Consultants: Consultants for Planning and Architecture, which in

this case happens to involve Architects Team Three; Consultants regarding Mechanical Engineering and Electrical Engineer; Structural and Civil Engineering Consultants; Valuation Surveys and Management Consultants; Quantity Surveyors and Building Costs Consultants. This group of consultants from the Development Consortium. And it is the Development Consortium as a whole that will obtain the 9½ per cent. Therefore I had stated this very clearly in my reply to other questions. Now the Honourable Member from Kelawei deliberately tries to twist. And now the Honourable Member from Ayer Itam is even more pernicious in this method because he realises that if I refer to the date "February, 1963" it refers to the time when the Socialist Front with which he himself was at that time involved in the Majlis Bandaraya, was concerned with this issue.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Will you please check your facts.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik V. Veerappen): The Urban Centre did not start then.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Will you kindly check your facts. I was not in the Majlis Bandaraya in 1963.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): So he is lying.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Will you please withdraw those remarks.

Ketua Menteri: In view of the fact that the Honourable Member says he was not there in 1963 (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): So check your facts.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): He was in London.

Ketua Menteri: I will take back what I have said. But he was concerned, and directly involved with the group of old quasi-friends of his whom he has betrayed.

Mr Speaker, Sir, I would like to refer the Honourable Member to the extracts of the Meeting of the Council in Committee on 17th November, 1969, when it referred to the question of the posi-

tion of Malayan Architects Co-Partnership. Malayan Architects Co-Partnership were in fact asked to consider the overall development for Prangin and Maxwell Roads. It is true that at that particular time it was referred to as the Hawkers' Paradise. But certainly I say that the Honourable Member from Ayer Itam would not "ditch" his old friends in the Socialist Front so much as to refer to just a cover of a ditch as a Hawkers' Paradise. Obviously they were referring to very much more than just slabbing-over the Prangin Ditch. I mean, do not "ditch" your friends by just referring to a ditch.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): It says, 'the land between Maxwell and Prangin Road'. There is nothing except a ditch.

Ketua Menteri: Therefore, it was referring to a Hawkers' Paradise. In actual fact it was referring to the overall development of Prangin and Maxwell Roads.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker, we are very glad to have the illustration on this point. Now that we know that we can take it to be gospel truth that it was originally meant to be a Hawkers' Paradise, and now probably it has become Lim Chong Eu's Paradise, Mr Speaker, Sir, we would like to know (gangguan).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sila tarikh balik cakapan "*Lim Chong Eu's Paradise*".

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Well, okay.

Tuan Speaker: Sila tarikh balik.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Well, so that I do not get suspended again, I will *tarik balik*.

It is a paradise of sorts. Perhaps it will be a Gerakan paradise. That would be more acceptable.

But, Mr Speaker, Sir, my question, coming to this House in a more serious way, is: Will the Chief Minister give an undertaking to this House that not a cent out of this \$20 million—or perhaps I should say \$30 million, in commission or whatever it is; whether

it is 9.5 per cent or 10 per cent—will go into the coffers of the Gerakan Party for the next election? Will he give an undertaking?

Ketua Menteri: Mr Speaker, Sir, dengan izin: I thought we would continue on a very good mood here today. But the Honourable Member from Kelawei is persistently trying to get dirtier and dirtier in his allegations.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): He should have been stopped if that is so.

Ketua Menteri: Mr Speaker, Sir, so has the Honourable Member for Ayer Itam. (*Ketawa*) It is difficult for the Party Pekemas, with its supposed social justice, to try and attack the situation where I, only by God's will, happen to have a brother (*gang-guan*).

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik V. Veerappen): Accident of birth.

Ketua Menteri: who happens to be a partner in Architects Team Three. And, because of this, this Justice Party and this Action Party take up this pernicious attitude to try and persecute as far as they can to the point where the Member for Kelawei, Sir, imputes a situation whereby he asks me whether I can undertake that not one single cent to the Gerakan coffers will come from any part of the money that would be approved to Architects Team Three from its participation in the development consortium associated with the construction of the Urban Centre. Mr Speaker, Sir, I here categorically say to the Honourable Member for Kelawei that it will be certain that not one single cent of that money will come to the Gerakan. And it has never been at any time the intention of Gerakan to look for funds from that sort of source; nor has there been any situation whereby any decision taken with regard to the consortium has been lowered to the level of the D.A.P. or to the level of the Pekemas.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik V. Veerappen): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan, dengan izin:

Just now I was surprised to note that the Chief Minister said that there was no contract signed between Jurubina

Bertiga, otherwise known as Architects Team Three. But in accordance with the question and answer at the last Meeting the answer is this:

"The name of the Planning and Architectural Consultant is Jurubina Bertiga ataupun Architects Team Three. The total fee agreed by the Government"—not the P.D.C., Sir, "by the Government"—"is about 10% of the total building cost of the project". Not a revolving fund of \$5 million. An elephant has now become a mouse. From \$200 million it has become \$5 million. "The Consortium will also assist in the training of supporting staff from the P.D.C. and the S.P.D.C." How does the Chief Minister reconcile his answer just now that there was no contract with the answer earlier that there was an agreed fee by the Government of about 10%? Is there an agreement without an agreement?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, dengan izin:

I thank the Honourable Member for Sungai Bakap for reading in full, and therefore rebutting his junior colleague on the other side had earlier tried to twist, because in actual fact now he has read exactly what I said—it was about 10%. Now, the P.D.C. decision has to be referred to the State Government. And the State Government did take a decision to abide by the P.D.C. decision. But the agreement that was entered into was between the P.D.C. and the Development Consortium. And, as I have said, the Development Consortium consists of five groups of Consultants, of which the Architectural Planning Consultants are the Jurubina Bertiga.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Soalan kesebelas.

11. Adakah Kerajaan Negeri Menyokong cadangan kawasan Pilihanraya Negeri dan Parlimen? Jika tidak, mungkinkah Kerajaan membuat ulasan-ulasan kepada Suruhanjaya Pilihanraya atau Kerajaan Persekutuan?
- (11. Does the State Government support the proposed State and Parliamentary Constituencies? If not, will it make representations to the Elections Commission or the Federal Government?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya fikir di mana saya telah jawab. Berikut dengan perkara itu, saya boleh katalah yang perkara itu telah dijawab dengan teliti.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker sudah benarkan soalan ini. Tentu dapat jawapan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Apa sebab atas Standing Order.

Tuan Speaker: Sudah jawab.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Dia kata dia boleh jawab. Macam apa tidak boleh jawab?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya tidak kata saya tidak boleh jawab. Apa saya kata jawapan-jawapan saya yang terlebih dahulu di atas perkara ini telahpun diberi dengan sepenuhnya terhadap bahagian soalan ini.

Tuan Yang Dipertua, pendirian Kerajaan Negeri mengenai cadangan mengubah sempadan kawasan-kawasan pilihanraya bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (1) Ianya menegakkan semangat dan peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan Persekutuan yang mana antara lain membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menurut Perkara 113, mengulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan Negeri kepada beberapa kawasan dan memperakukan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu bagi mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas, dan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Negeri hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Rakyat.
- (2) Ianya adalah menghormati kedudukan Suruhanjaya Pilihanraya sebagai satu badan yang bebas yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

- (3) Menerima prinsip-prinsip mengenai mengubah sempadan kawasan seperti yang telah dikesan kepada Kerajaan Negeri, oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam surat daripada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh, 1hb Oktober, 1973 Secara ringkas, cadangannya adalah seperti berikut—

Perkara menyemak kawasan-kawasan pengundi bagi kedua-dua Persekutuan dan Negeri, peruntukan yang terkandung di dalam Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan hendaklah diikuti, tetapi perbezaan hendaklah dibuat bagi kawasan-kawasan pilihanraya bandar dan luar bandar kerana mengikut prinsip-prinsip yang baru yang telah ditetapkan dalam Jadual tersebut bilangan pemilih-pemilih dalam satu kawasan bandar boleh mengandungi lebih dari separuh daripada pemilih-pemilih kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil keputusan samada hendak membuat perbezaan terus antara bahagian pilihanraya bandar dan luar bandar atau menggabungkan bahagian-bahagian pilihanraya ini mengikut 4 golongan iaitu—

- (i) Kawasan metropolis yang mengandungi penduduk-penduduk 75,000 ke atas;
- (ii) bandar besar yang mengandungi penduduk antara 10,000 sehingga 74,999;
- (iii) bandar kecil yang mengandungi penduduk antara 1,000 hingga 9,999; dan
- (iv) luar bandar yang mengandungi penduduk kurang dari 1,000.

Kerajaan Negeri telahpun mengkaji dengan teliti mengenai perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya seperti yang disiarkan di dalam suratkhbar dan di dalam *Warta*

Kerajaan dan tidaklah berhajat untuk menimbulkan sebarang bantahan terhadap perakuan-perakuan ini.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Ketua Menteri sokong prinsip seorang seundi?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, ini semua orang, seorang adalah berkuasa pilihan undi.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, soalan tambahan. Sebelum saya beri soalan ini, saya mahu beritahu kepada Ketua Menteri Jadual 13 adalah satu jadual yang ada prinsip yang berkenaan satu-satu kawasan. Dengan izin:

I would like to point out to the Chief Minister that the Thirteenth Schedule of the Constitution merely lays down the principles as far as possible to be taken into account when dividing the Federation and the States into constituencies pursuant to the Federation and the States into constituencies pursuant to the provisions of Article 116 and Article 117; and as distinct from the original provision of Article 116 which lays down that electorates shall be in accordance with the quota plus a 15% rise or a 15% fall either way. So in other words you are limited to a 30% difference between a rural constituency and an urban constituency. The amendment which was brought about in 1962, which puts the Third Schedule to replace Article 113, merely lays down the principle. And according to the principle, as rightly stated by the Honourable the Chief Minister, the number of electors within each constituency ought to be approximately equal except that, having regard to the greater difficulty of reaching electors in the country districts and the other disadvantages facing rural constituencies, a measure of weightage for area ought to be given to such constituencies, to the extent that in some cases a rural constituency may contain as little as one half of the electors of any urban constituency. So we are asking the State Government whether or not they agree with this particular recommendation as put forward by the Elections Commission. And as we can see, the difference in some

constituencies is not only half, but even more than half. Surely in a case like that the State Government must make representations as provided for in Part II of the Thirteenth Schedule. And is the Honourable the Chief Minister trying to tell this House that he agrees entirely with the recommendation of the Elections Commission in this respect? And can the Honourable the Chief Minister tell us in this House that after considering all the conditions as laid down in paragraph 2 (c) he is of the view that an urban constituency like Tanjong should have twice as many voters, or even more than twice as many voters as Permatang Pauh in Province Wellesley. Taking into consideration communications and all that because we are living in the State of Penang, communications in Permatang Pauh are not as bad as, say, some out-of-the-way places in Kelantan or in Trengganu. So the maximum laid down or suggested here is half. Surely the Honourable the Chief Minister is not really looking after the interests of the voters of Penang if he says that he is in full agreement. Does he have the support of the Gerakan Party when he says that? Or is he expressing his own personal views? The Honourable the Chief Minister has made various statements before when this particular proposal was put forward. Can the Honourable the Chief Minister tell us why he changed his mind from a position of defiance against the Federal Government over this particular change to this present position of servile submission?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, dengan izin: Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member for Ayer Itam is prone to do, he makes a long speech when asking a question. I do not know whether this particular twist was, in the same manner as his little colleague from Bagan Ajam, a symphony or what you call . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Never mind what it is. Give us a reply.

Ketua Menteri: Or was it supposed to end up in a big drum, and all that kind of thing?

Mr Speaker, Sir, as a member of the learned profession, if he had not even followed what I had replied in my speech when I indicated that the Government accepts the various principles he should realize, not only as a member of the learned profession but as a Member of this House, and just an ordinary citizen, that Article 116 had undergone considerable amendment as far back as 1962. And he should realize also that what he was quoting just now itself was misleading the House because with reference particularly to the Thirteenth Schedule, sub-paragraph 2 (c), he was referring to the fact that a measure of weightage for area ought to be given to such constituencies to the extent that in some cases a rural constituency may contain as little as one half, etcetera. And he built this up to a crescendo about whether I am servile or whether I am defiant.

Mr Speaker, Sir, all I hope of the Honourable Member for Ayer Itam is just to abide by the rule of the law because, unfortunately for his roll of drums, under Act A206 which constituted the Federal territory the words 'throughout the unit of review' were eliminated; and the words 'to the extent that in some cases a rural constituency may contain as little as one half of the electors of any urban constituency' were also taken off from that particular Section of the Constitution. Under the circumstances, the existing Constitution reading as it is, the Government accepted the proposals that were made by the Election Commissions, as I have indicated in my very long and complete reply to the Honourable Member for Kelawei. And so all that I ask of the Honourable Member for Ayer Itam is neither to be defiant nor to be servile, but just to be a law-abiding citizen.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Tuan Speaker, Sir, I have just pointed out to the Honourable the Chief Minister—and here I don't like to stoop to his level of argument by saying that he is hard of hearing—that Part II of the *Jadual* says that any State Government can make representation—'Where, on the publication of the notice under section 4 of a proposed

recommendation of the Election Commission for the alteration of any constituencies, the Commission receive any representation objecting to the proposed recommendation from—(a) the State Government or any local authority'. So the law does not say that we cannot make representations. You don't have to be so servile. And just because the Elections Commission says so you say you must obey. The law gives you provision to make representations. And that's exactly what we want the State to do—to make representation on this particular issue.

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, dengan izin: Here again the Honourable Member for Ayer Itam is trying to debate. Instead of question time he is trying to debate. And I have indicated to him that he should read the same *Jadual*. And with his particular learning he should not try to mislead the general public. And I say that because of the paragraph 2 (c) which he himself referred to, namely 'a measure of weightage for area,' it would be very difficult for the State not to accept, or to proceed on what would be a definition of weightage, and make use of paragraph 5 which he now brings up. Mr Speaker, Sir, it is because of this particular situation that in my reply I have indicated that the proposals of how the Elections Commission were to accord weightage was specifically spelt out; and the Government had accepted it.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN MULUT.

Tuan Speaker: Waktu jawapan soalan dengan mulut sudah cukup. Oleh itu, soalan-soalan yang belum dijawab, saya arahkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya jawab dengan tulisan.

4(B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas meja Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang sehingga hari Selasa 9hb April, 1974, jam 9.30 pagi.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN MUKLUT.

(II) Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan) bertanya kepada Ketua Menteri:

12. Apakah kemajuan telah dibuat di atas Projek Masjid Negeri?
13. Berapakah jumlah perbelanjaan di atas lawatan Menteri dari Victoria?
14. Berapakah jumlah perbelanjaan di atas lawatan Ketua Menteri ke Australia dalam bulan Mac tahun ini?
15. Bilakah projek cendawan akan dijalankan?
16. Berapa usaha-bersama telah ditubuhkan dengan negara-negara Eropah Timur sehingga hari ini, hasil dari lawatan Ketua Menteri ke Eropah Timur pada tahun 1973?
17. Perakuan-perakuan apakah telah dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan di atas Taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang?
18. Berapa banyak elaun perjalanan telah dituntut oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagi tahun 1973 dan 1974, beri angka-angka berasingan bagi tiap-tiap ahli dan bagi satu-satu tahun.
19. Sudahkah Penyatuan pihak-pihak berkuasa tempatan itu selesai? Siapakah telah dilantik ke badan-badan baru?
20. Adakah Casino sekarang ini dalam pembinaan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

21. Langkah-langkah apakah telah diambil atas pengisytiharan cadangan Kerajaan Negeri yang dibuat oleh Timbalan Ketua Menteri untuk menghalang kemasukan orang-orang berambut panjang dari luar negeri? Adakah cadangan itu telah dibatalkan?
22. Langkah-langkah apakah telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pemeliharaan ikan darat dan udang untuk perdagangan?
23. Berapakah perbelanjaan mencetak "This Place Called Penang"?

Ketua Menteri:

12. Jawatankuasa yang telah ditubuh untuk menimbangankan Projek Masjid Negeri yang pada masa ini dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N., J.P. sedang membereskan perakuan-perakuannya kepada Kerajaan Negeri. Satu peruntukan sebanyak \$100,000 telah dibekalkan di dalam Anggaran Pembangunan 1974.
13. Tidak ada Menteri dari Victoria yang melawat Negeri Pulau Pinang dalam tahun-tahun yang akhir ini.
14. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah tetamu Kerajaan Australia Selatan dan dengan itu beliau tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan resmi.
15. Saya telah diberitahu oleh Malaysia Foods Berhad bahawa projek cendawan mereka dijangka berjalan kira-kira pada akhir tahun ini.
16. Sehingga sekarang tiada.
17. Kerajaan Negeri melalui Ketua Menteri telah memperakukan kepada Y.B. Tun Tan Siew Sin, Menteri Kewangan, bahawa Pulau Pinang dijadikan Taraf Pelabuhan Bebas Malaysia.

					1973	1974 hingga sekarang
18.	1. Y.B. Datuk Harun bin Sirat	...	...	...	69.60	—
	2. Y.A.B. Dr Lim Chong Eu	...	...	...	—	—
	3. Y.B. Encik Ooh Chooi Cheng	...	...	...	432.00	—
	4. Y.B. Datuk Teh Ewe Lim	...	...	...	256.06	14.28
	5. Y.B. Encik Tan Gim Hwa	...	...	...	—	—
	6. Y.B. Encik Wong Choong Woh	...	...	...	582.18	92.24
	7. Y.B. Encik S. P. Chelliah	...	...	...	453.08	52.92
	8. Y.B. Encik Ismail bin Hashim	...	...	...	999.04	165.56
	9. Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah	...	...	...	400.64	—
	10. Y.B. Encik Khoo Kay Por	...	...	...	—	—
	11. Y.B. Encik Ooi Ah Bee	...	...	...	663.76	—
	12. Y.B. Encik D. C. Stewart	...	...	...	184.84	16.00
	13. Y.B. Encik Khoo Teng Chye	...	...	...	134.00	—
	14. Y.B. Encik Teoh Chung Hor <i>alias</i> Teoh Kooi Sneah	...	...	...	845.30	42.00

		1973	1974 hingga sekarang
15.	Y.B. Tuan Haji Mohamed Nor bin Haji Bakar ...	—	—
16.	Y.B. Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan ...	114.40	—
17.	Y.B. Encik Yeap Ghim Guan	36.96	—
18.	Y.B. Encik Khoo Soo Giap	29.84	—
19.	Y.B. Encik Koay Boon Seng	30.24	7.20
20.	Y.B. Encik Veerappen s/o Veerathan	61.00	—
21.	Y.B. Encik Tan Phock Kin	28.00	—
22.	Y.B. Encik Ong Yi How	23.52	—
23.	Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Yunus	268.00	—
24.	Y.B. Encik Mustapha bin Hussain	71.82	—
		5,693.28	390.20

19. Penyatuan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sekarang ini telah sampai satu kedudukan yang muktamad. Tidak ada perlantikan-perlantikan setakat ini telah dibuat.

20. Kelulusan bagi melesenkan Casino adalah diberi oleh Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 27, Ordinan Rumah Judi Am 1953 dan Akta Rumah Judi Am (Pindaan) 1971.

21. Kerajaan Negeri sentiasa berhubung rapat dengan Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah Kerajaan Persekutuan untuk mencegah orang-orang yang berambut panjang masuk dari luar negeri.

22. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Perikanan untuk menggalakan perusahaan membela ikan-ikan air tawar dan udang-udang adalah seperti berikut:

1. Membekalkan beneh-beneh ikan-ikan (Tongsan dan Lampan Jawa) dan udang galah yang baik mutunya kepada penternak-penternak.
2. Membekalkan simen dan paip-paip untuk saluran air masuk dan keluar dari kolam-kolam.
3. Membekalkan kapur untuk membunuh musuh ikan di kolam.
4. Mengadakan kursus sepenuh masa kepada pengusaha-pengusaha kolam air tawar selama 3 minggu di Pusat Latihan Perikanan Pusat, Bukit Tinggi, Bentung, Pahang.
5. Melepaskan ikan-ikan air tawar di perairan umum untuk membiakkannya.
6. Memberikan khidmat nasihat kepada orangramai dan pengusaha-pengusaha dan menayangkan filem-filem mengenai perusahaan ikan air tawar untuk orang-orang di luar bandar.

23. Saya telah diberitahu oleh Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, bahawa harga mencetak "This Place Called Penang" ialah \$35,000.

(III) Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Memandangkan kepada kenaikan harga bahan-bahan binaan pada masa sekarang, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan telah membuat perhitongan baru bagi pembinaan Pusat Perbandaran \$200 juta itu? Jika ya, apakah harga yang baru bagi Pusat Perbandaran sekarang.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikenakan sehingga 31-3-1974 untuk Pusat Perbandaran ini dan berapa banyakkah yang telah dibayar kepada firma Akitek dan Jurutera?

3. Memandangkan kepada kekurangan bahan-bahan binaan pada masa sekarang, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada, peringkat pertama Pusat Perbandaran yang dianggar berharga lebihkurang \$77,000,000 dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan, iaitu dalam tahun 1978. Mungkinkah ada perbezaan harga bagi peringkat pertama ini, jika ada berapakah harga baru.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada gerai-gerai penjaja yang sedang dibina di Prangin Road/Maxwell Road termasuk juga dalam Projek Pusat Perbandaran? Berapakah jumlah perbelanjaan untuk pembinaan gerai-gerai ini dan adakah Tawaran-tawaran telah dipelawa kepada orang-ramai untuk pembinaan gerai-gerai ini?

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah rancangan Kerajaan untuk menempatkan semula pasar Maxwell Road/Prangin Road apabila kawasan pasar yang ada sekarang ini digunakan untuk projek Pusat Perbandaran?

6. Memandang kepada kenaikan harga barang-barang yang melibatkan semua penduduk-penduduk di Pulau Pinang, terutama sekali pekerja-pekerja, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah langkah-langkah yang Kerajaan Negeri telah ambil untuk menghadapi masalah ini.
7. Memandang kepada pelancaran "Komplot Sorok" oleh Kerajaan Pusat untuk menentang kenaikan harga-harga barang, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan Negeri dengan Kerjasama Kerajaan Pusat mengorak langkah untuk mengambil bahagian di dalam "Komplot Sorok"? Jika demikian, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah peranan-peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan Negeri bagi kempen ini?
8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan telah mengambil langkah untuk menyiasat penderitaan yang dialami oleh pekerja-pekerja kilang yang menerima cuma \$2.50 sehari di dalam keadaan kenaikan harga yang menimpa Negeri ini? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meringankan penderitaan mereka berkaitan dengan suasana inflasi?
9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah kemajuannya dengan pembinaan Stadium Tertutup dan samada sebarang syarikat Jurubina telah diminta untuk merangka Stadium Tertutup ini? Jika ada, apakah nama syarikat itu dan apakah syarat-syarat atau perjanjian yang telah dipersetujukan oleh kedua-dua belah pihak?
10. Memandang kepada pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan ini bahawa Kerajaan akan menimbang menguntukkan \$20,000 bagi memperbaiki jalan-jalan Kampong Simpah dan lain-lain kemudahan, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan telah menjalankan apa-apa rancangan untuk mempergunakan peruntukan tersebut? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah rancangannya?
11. Memandang kepada beribu-ribu penuntut-penuntut sekolah menengah di Butterworth terpaksa berulung alik ke Pulau Pinang untuk pelajaran menengah mereka disebabkan oleh kekurangan tempat di semua sekolah-sekolah menengah di Butterworth, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengambil langkah untuk berunding dengan Menteri Pelajaran bagi mengadakan sebuah sekolah kebangsaan menengah yang besar di Butterworth dengan itu dapatlah mengurangkan kesusahan mereka yang terpaksa datang ke Pulau Pinang untuk belajar.
12. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah kemajuan kerja-kerja untuk membina Empangan Jajar Prai sebagai menggantikan titi timbul yang ada sekarang dan tanah milik manakah yang akan diambil balik untuk projek ini; sila beri nombor-nombor lot?
13. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, semenjak Y.A.B. Ketua Menteri mengetuai rombongan ke Indonesia, adakah apa-apa tambahan mengenai perdagangan dua aliran di antara Pulau Pinang dan Indonesia dan jika jawapan itu ya, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah nilai tambahan perdagangan dua aliran ini?
14. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Pejabat Tanah di Butterworth telah mengambil langkah untuk mendakwa setinggan-setinggan di Pantai Kubang Buaya Mukim 14? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan ada rancangan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan ini apabila mereka menerima perintah Mahkamah untuk meruntuh rumah-rumah mereka.
15. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyak tanahkah yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri sepanjang Jalan Bagan Luar dan Jalan Heng Choon Theam di Butterworth dan apakah rancangan Kerajaan untuk memajukan tanah-tanah ini di sepanjang jalan-jalan tersebut?
16. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyakkah bantuan buku diberi kepada penuntut-penuntut miskin:
 - (a) Pulau Pinang
 - (b) Seberang Perai Utara
 - (c) Seberang Perai Tengah
 - (d) Seberang Perai Selatan

17. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyak yunit-yunit Rumah Pangsa dan rumah-rumah akan siap untuk diduduki dalam tahun 1974 dan di manakah letaknya?
18. Adakah Kerajaan mempunyai Sebarang rancangan untuk menubuhkan kedai syarikat kerjasama untuk menjual barang-barang keperluan terus kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang. Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu apakah rancangan ini.
6. Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa tertentu di bawah Kerajaan Persekutuan untuk menghadapi inflasi. Kerajaan, Negeri telah menubuhkan 3 buah jawatankuasa:

- (1) Sebuah Jawatankuasa Tetap untuk menasihatkan Kerajaan mengenai perkara-perkara polisi.
- (2) Jawatankuasa Perwakilan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli Dewan Perniagaan.
- (3) Sebuah Jawatankuasa Bertindak yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan untuk melaksanakan polisi-polisi yang telah diputuskan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini mengetahui setengah dari masalah-masalah tempatan dan telah sama-sama mengambil langkah-langkah untuk memperbaikinya melalui Pihak-pihak Berkuasa Negeri ataupun menghantarkannya kepada Kementerian-kementerian Persekutuan berkenaan untuk tindakan mereka.

Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah di semua peringkat dalam membantu Kerajaan dalam Anti-mengambil untung berlebihan dan Anti-Sorok barang-barang keperluan yang mustahak dan juga menasihatkan orang ramai jangan berbelanja berlebihan. Peti Surat 9000 telahpun diadakan di Pulau Pinang dan orang ramai adalah digesa untuk melaporkan aduan atau cadangan mereka melalui sistem ini.

Ketua Menteri:

1. Dalam jawapan saya kepada Y.B. Ahli Kawasan Ayer Itam, adalah jelas bahawa 'projection' kos yang dianggarkan sebanyak \$200 juta itu melibatkan satu faktor yang berpusing dan dengan sendirinya mendatangkan hasil, dan sungguhpun perbelanjaan yang telah ditetapkan bagi Pusat Bandaraya apabila siap nanti adalah dalam lingkungan \$200 juta, perkiraan ini perlu dibuat menurut perlaksanaan tiap-tiap peringkatnya Pusat Bandaraya tersebut. Faktor anggaran 'projection' ini termasuk satu kadar kenaikan harga dan perbezaan kosnya tidak akan diketahui sehingga tawaran telah diterima.
2. Sehingga kepada tarikh 31hb Mac, 1974, wang yang telah dibelanjakan dan dibayar bagi Projek Pusat Bandaraya itu adalah sebanyak \$44,912.67. Bayaran kepakaran kepada pakar-pakar perunding "Development Consortium" belum lagi dibuat.
3. Jawapan diberi seperti di soalan Bil. 1.
4. Tidak. Ini adalah satu perkara di bawah kuasa Majlis Bandaraya. Walaubagaimanapun, saya telah dimaklumkan bahawa tidak ada tawaran awam dipelawa untuk pembinaan gerai-gerai itu dan sebagainya.
5. Kerajaan sedang menimbang dengan kajian-kajian perancang yang teliti untuk memberikan satu penempatan yang sesuai dan memuaskan untuk Pasar Jalan Maxwell/Jalan Prangin apabila tapak yang didudukinya sekarang akan dikehendaki untuk Pusat Perbandaran. Memandangkan bahawasanya tapak ini berada dalam Peringkat V Projek itu dan jumlah projek akan mengambil masa selama 10 tahun untuk siap dan Peringkat V adalah peringkat yang akhir, maka perkara ini bukanlah perkara dewasa.
7. Kerajaan Negeri menyokong penuh Kempen Anti-Sorok yang dilancarkan oleh Kerajaan Pusat dan telah menggalakkan supaya rakyat di dalam Negeri ini memberikan kerjasama kepada kempen tersebut melalui sebaran am, akhbar dan Jabatan Penerangan. Selanjutnya pegawai-pegawai Persekutuan yang menjalankan tugas dalam Komplot Sorok yang ditetapkan di dalam Negeri adalah menjalankan kempen itu dengan memuaskan.
8. Kerajaan Negeri mengadakan kerjasama dan penyelarasan yang rapat dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di atas perkara ini. Berikutan dengan pembayaran elaun bantuan khas kepada kakitangan-

kakitangan Kerajaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah menggesa majikan-majikan di pihak swasta untuk membayar elaun-elaun sedemikian kepada pekerja-pekerja mereka untuk meringankan kesulitan akibat inflasi dan hasilnya adalah menggalakkan. Kebanyakan majikan-majikan di Negeri Pulau Pinang kini telahpun membayar elaun bantuan khas kepada pekerja-pekerja mereka.

Kerajaan Negeri pada setiap masa mempunyai sokongan tertentu dengan pihak pengurus untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja mendapat pembahagian gaji dan keadaan-keadaan pekerja lain dengan adil. Pekerja-pekerja sendiri telah digalakan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa perhubungan di mana kesatuan-kesatuan pekerja tidak ada, supaya mereka dapat pada setiap masa membawa apa-apa masalah mereka kepada pihak pengurusan.

9. Saya telah diberitahu oleh Setiausaha Bandaraya bahawa Majlis Bandaraya telah berhubung dengan Pertubuhan Akitek Malaysia untuk membantu Majlis Bandaraya untuk menganjurkan "Ideas Competition" bagi reka-bentuk Stadium Tertutup. Pertubuhan Akitek Malaysia telah bersetuju menganjurkan peraduan tersebut dan butir-butir lanjut sedang disediakan bagi peraduan tersebut dilancarkan. Tiada suatu pun firma Akitek telah diaminkan bagi menguruskan rekabentuk Stadium Tertutup yang dirancangkan itu.
10. Saya tidak mengumumkan yang Kerajaan akan menimbangkan peruntukan sebanyak \$20,000 bagi membaiki jalan-jalan di Kampung Simpah. Angka \$20,000 tersebut adalah cadangan Ahli Yang Berhormat itu sendiri apakala beliau mengemukakan soalan yang sama kepada Dewan ini pada 12hb November, 1973 yang lalu.

Jawapan saya kepada soalan tersebut adalah, saya petik: "Masaalah membaiki jalan-jalan, parit dan sistem pembersihan di Kampong Simpah adalah suatu masaalah yang lama dan rumit. Kawasan yang terlibat mengandungi lebih-kurang 130 ekar tanah yang telah diberi untuk pembangunan Kawasan ini tidak mengikut susunan yang teratur dan pemilik-pemilik tanah dan pemilik-pemilik bangunan telah tidak mematuhi kehendak-kehendak pembangunan yang sewajarnya.

Walaubagaimanapun, sebelum apa-apa peruntukan dibuat, Kerajaan perlu menjalankan penyiasatan dan kajian melalui Jawatankuasa Perancang dan Kawalan Pembangunan bagi menentukan peringkat-peringkat tanggungjawab bagi membangunkan dan membaiki kawasan itu".

Memandangkan soalan tersebut telah diulang lagi, jawapan saya adalah sama dengan jawapan yang telah saya berikan dalam Persidangan Dewan yang lalu

11. Ya. Walaubagaimanapun adalah tidak benar iaitu beribu-ribu penuntut sekolah menengah Butterworth terpaksa berulang-alik ke Pulau Pinang tiap-tiap hari. Dalam tahun 1974 hanya 96 murid-murid sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dinaikkan ke Tingkatan Peralihan di sekolah-sekolah Pulau Pinang; 60 orang murid ke Sekolah Menengah Chung Ling. 36 orang murid ke Sekolah Menengah Perempuan Cina. Tindakan ini dibuat supaya memberi peluang kepada mereka bersekolah di sekolah-sekolah tersebut. Murid-murid di sekolah-sekolah rendah kawasan Butterworth dinaikkan ke sekolah-sekolah menengah dalam kawasan Butterworth juga kecuali sebilangan murid yang dihantar ke Sekolah Tinggi Jit Sin Bukit Mertajam. 13 orang murid di Darjah 6 meminta supaya mereka ditempatkan ke sekolah-sekolah menengah di Pulau Pinang.
12. Jabatan Parit dan Taliair sedang menganalisiskan pelan-pelan kejuruteraan untuk empangan tetapi buat masa ini kurang lebih 70% daripada kawasan telah dimiliki untuk projek ini dan bakinya yang perlu dimiliki sedang dijalankan sekarang ini. Setakat ini tanah persendirian yang telah dimiliki adalah seperti di Lampiran 'A'.
13. Ya. Jumlah penambahan adalah seperti berikut:
 Pada tahun 1971—
 Ekspot bernilai sebanyak \$8.25 juta
 Impot bernilai sebanyak \$107.43 juta
 Jumlah nilai perdagangan \$115.68 juta

Pada tahun 1972—

Ekspot bernilai sebanyak \$11.032 juta.

Impot bernilai sebanyak \$107 juta.

Jumlah nilai perdagangan \$118.032 juta.

Manakala impot kita dari Indonesia telahpun berada di satu peringkat yang tinggi, ekspot kita telah bertambah dari \$8.25 juta pada tahun 1971 kepada lebih dari \$11 juta pada tahun 1972.

Angka-angka perdagangan bagi keseluruhan tahun 1973 belum didapati lagi. Cuma angka-angka bagi 3 bulan yang pertama sahaja yang didapati seperti berikut:

Ekspot: \$4 juta;

Impot: \$15.6 juta.

14. Mengikut undang-undang, Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk menempatkan semula mana-mana setinggan. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah menyatakan dari masa ke semasa bahawa polisi Kerajaan ialah untuk memastikan setinggan-setinggan dari satu kawasan terutamanya yang menudukkan tanah Negeri, tidak akan pula menjadi setinggan-setinggan da-

lam kawasan yang lain. Adalah menjadi polisi Kerajaan pada setiap masa untuk mengambil tindakan ke atas setinggan-setinggan yang telah tertubuh dalam jangka masa yang panjang sahaja apabila ada penempatan lain supaya mereka dapat ditempatkan semula dengan sempurna. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah memberi arahan-arahan kepada Pemungut-pemungut untuk mengambil langkah-langkah yang perlu supaya dapat mencegah orang-orang daripada menumpang atas tanah Negeri.

15. Di sepanjang Bagan Luar Road ada 3 plot Tanah Kerajaan—satu ialah pada awam; keduanya ialah di mana terletaklah Rumah-rumah Kerajaan berdekatan Pejabat Pos dan tapak ketiga ialah plot kosong seluas 2 ekar terletaklah di belakang Pejabat Kesihatan, Butterworth.

Tidak ada tanah Kerajaan yang kosong di sepanjang Heng Choon Thean Road. Tanah Kerajaan yang boleh didapati di kawasan itu hanyalah di mana terletaklah Setor dan Rumah-rumah J.K.R. sekarang.

Kemajuan tanah-tanah ini adalah sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri.

16. Untuk tahun 1973, peruntukan-peruntukan adalah seperti berikut:

(a) *Dari kumpulan wang Negeri—*

<i>Daerah</i>	<i>Bil. Murid</i>	<i>Jumlah Bantuan</i>
Pulau Pinang	\$3,528	\$45,589
S. Perai Utara	1,403	17,505
S. Perai Tengah	1,691	14,777
S. Perai Selatan	961	12,212
Jumlah	\$7,583	\$90,083

(b) *Dari kumpulan wang Kementerian Pelajaran—*

Tidak ada bantuan wang untuk bantuan buku-buku teks diterima daripada Kementerian.

(c) *Dari Jabatan Perdana Menteri (P.K.N.)—*

Peruntukan sebanyak \$59,755.90 untuk buku-buku teks bagi murid-murid Tingkatan I dan Darjah Peralihan diluluskan seperti berikut—

Jumlah sekolah-sekolah yang dibahagi ialah 36 dan jumlah murid-murid ialah 1,990 semua sekali, adalah seperti berikut—

	sekolah-sekolah	murid-murid
Balik Pulau ...		442
Daerah Timor Laut ...	11	224
Butterworth ...	8	722
Bukit Mertajam ...	8	416
Nibong Tebal ...	3	186
Jumlah ...	36	1,990

Untuk tahun 1974, peruntukan-peruntukan adalah seperti berikut: —

(a) *Dari kumpulanwang Negeri—*

	Murid-murid	Berharga
Pulau Pinang kepada ...	4743	\$ 63,319.88
S. Perai Utara kepada ...	1547	19,716.71
S. Perai Tengah kepada ...	1294	16,667.13
S. Perai Selatan kepada ...	863	14,213.80
Jumlah ...	8447	\$113,917.72

(b) *Dari kumpulanwang Kementerian Pelajaran—*

Jumlah peruntukan untuk Negeri Pulau Pinang ialah \$130,501.72 dibahagikan seperti berikut—

Pulau Pinang berjumlah ...	\$ 49,290.73
S. Perai Utara berjumlah ...	44,617.66
S. Perai Tengah berjumlah ...	11,928.23
S. Perai Selatan berjumlah ...	24,665.10
Jumlah ...	\$130,501.72

(c) *Dari Jabatan Perdana Menteri (P.K.N.)—*

Peruntukan sebanyak \$70,000.00 untuk buku-buku teks bagi murid-murid Tingkatan II diluluskan seperti berikut—

Jumlah sekolah-sekolah yang dibahagi ialah 42 dan jumlah murid-murid ialah 2,940 semua sekali, adalah seperti berikut—

	sekolah-sekolah	murid-murid
Pulau Pinang ...	16	669
S. Perai Utara ...	10	1,057
S. Perai Tengah ...	9	703
S. Perai Selatan ...	7	511
Jumlah ...	42	2,940

17. Tiada, tetapi tender-tender telah dipanggil bagi pembinaan 470 yunit rumah-rumah pangsa di projek Kampung Melayu Peringkat IV.

18. Kerajaan sedang menimbangkan penubuhan suatu sistem pengedaran barang-barang runcit bagi barang-barang keperluan. Sistem ini mungkin merupakan beberapa kedai-kedai Syarikat Bekerjasama (Co-operative Stores).

LAMPIRAN 'A'

MUKIM 2, SEBERANG PERAI TENGAH

	A. R. P.		A. R. P.		A. R. P.		A. R. P.		A. R. P.		A. R. P.	
Lot 795	6	0 8	891	3 10	933	1 0	1.35	808(2)	2 2 9	916	0 0 35	
938	18	1 31	894	2 35	934	3	06.13	927(2)	2 1 7	913	39	
927(3)	6	2 12	895	2 33	935	2	30.54	936(1)	0 2 29.67	909	1 28	
926	0	2 25.04	898(1)	1 11	907	2	30	937	2 0 15.29	908	2 31	
928	1	2 32	898(2)	1 09	910	2	24	925	0 3 3.75	905	2 29	
929	2	3 9.82	899	1 36	911	2	16	924	0 2 14.43	904	1 39	
889	1	.03	902	2 05	914	3	25	923	0 2 12.13	901	1 19	
888		.35	903	2 17	915	2	06	922	0 3 9.39	900	1 12	
885		32	906	2 14	917(1)	1	30	921	0 3 13.71	897	0 2 7	
884(3)	1	.04	930(1)	1 1	26.65	918(1)	1	03	2 .55	896	1 31	
886	3	10	930(2)	1 1	29.19	919(1)	0	0 14	0 1 22.59	893	0 1 21	
887	2	35	931	1 1	13.4	811	6	2 0	34.27	892	0 1 35	
890	2	36	932	1 0	07.98	808(1)	2	2 17	08.35			

(IV) Ahli Kawasan Dhoby Ghaut (Encik Khoo Teng Chye) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyakkah yunit-yunit perumahan murah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri semenjak 1969? Berapa banyakkah lagi yang akan dibina pada masa hadapan?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah tarikh menyiapkan Sekim Meringankan Banjir Sungai Jelutong?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah lagi sistem lampu lalu lintas akan dipasang di sepanjang Jalan Ayer Itam, tambahan kepada yang baru-baru ini dipasang di hadapan Sekolah Chung Ling?

Ketua Menteri:

1. 1176 yunit rumah kediaman dan 31 yunit kedai telah dibina semenjak 1969 di bawah Rancangan Perumahan Murah. Tawaran-tawaran telah dipanggil bagi membina 470 yunit rumah kediaman di Kampung Melayu Peringkat IV bagi tahun 1974. Rancangan-rancangan yang lain adalah dalam proses perancangan.
2. Rancangan meringankan banjir Sungai Jelutong dijangka siap dalam bulan November, 1974. Walaubagaimanapun, perancangan air-air banjir akan diperhebatkan dalam bulan Ogos, 1974, iaitu sebelum mulanya musim hujan.
3. Tiada sistem lampu isyarat tambahan dijangka diadakan tahun ini sepanjang jalan itu.

(V) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Mustapha bin Hussain) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Bolehkah Kerajaan Negeri membuat tutup atau "covered way" kepada tempat jalan kaki di jambatan pontoon Permatang Pauh, supaya penumpang-penumpang bas dapat perlindungan dari hujan dan matahari; jika tidak mahu buat, kenapa?
2. Adakah Kerajaan Negeri sedar murid-murid Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu Perai menghadapi bahaya daripada kenderaan yang lari sangat cepat di hadapan sekolah mereka; jika sedar, adakah Kerajaan Negeri mencadang membuat satu jambatan di atas jalan atau "overhead bridge" supaya mengelakkan maut?

3. Adakah Kerajaan Negeri sedar pejabat Majlis Ugama Islam yang ada sekarang adalah sempit dan tidak jajar dengan kewajipan Majlis itu; jika sedar, bolehkah Kerajaan Negeri membina satu bangunan yang istimewa untuk Majlis tersebut?
4. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa beribu-ribu rakyat Muslim yang datang mengucap selamat 'jalan dan menyambut balik saudara-mara mereka pergi dan balik dari Tanah Suci, sukar mendapat perlindungan dari hujan dan matahari dan sukar dapat kemudahan-kemudahan membersihkan diri, jika sedar, bolehkah Kerajaan Negeri membina satu tempat perlindungan di dalam Fort Cornwallis dengan cukup tandasnya?
5. Untuk mengindahkan Negeri kita, bolehkah Kerajaan memasang pancutan air atau "water fountain" di bulatan-bulatan di Simpang Ampat dan di Perai; jika tidak boleh, apa sebab?
6. Bolehkah Kerajaan Negeri beritahu samada Keretapi Bukit Bendera masih tidak menjadi satu badan yang berkanun sampai masa ini, apa sebabnya keadaan "yatim piatu" masih berlaku?
7. Sebagai satu sumbangan terhadap mengurangkan kesusahan kehidupan rakyat di Negeri kita oleh kerana kenaikan harga barang, bolehkah Kerajaan mengurangkan atau "remit" sebanyak 25% hasil tanah; jika tidak boleh, apa sebabnya?

Ketua Menteri:

1. Jambatan pontoon yang ada sekarang di Permatang Pauh telah dibina beberapa tahun dahulu dan bahagian-bahagiannya yang sudah lama dan yang hampir musnah kerana reput dalam beberapa tahun mungkin tidak dapat menanggung muatan tambahan, seumpamanya pembinaan 'covered way' sepanjang 'catwalk' dengan tidak membahayakan keselamatan jambatan tersebut. Bagi sebab-sebab keselamatan, jambatan pontoon itu dihadkan hingga 5 ton.
2. Kerajaan Negeri sedar bahawa kesibukan lalu lintas di Jalan Baharu Perai mendatangkan bahaya kepada murid-murid yang melintasi jalan itu ke Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu Perai. Oleh kerana Jalan Baharu Perai ialah sebahagian daripada Jalan Persekutuan—Route 1, apa-apa cadangan untuk 'overhead bridge' di atas jalan tersebut hendaklah diluluskan oleh Ibu Pejabat J.K.R. di Kuala Lumpur. Cadangan untuk 'overhead

bridge' telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat J.K.R. Persekutuan. Buat sementara waktu ini Kerajaan Negeri telah meminta Jabatan Pelajaran untuk menggaji Warder lalulintas untuk mengawasi murid-murid melintasi jalanraya.

3. Buat masa ini soal ruang pejabat yang sempit bagi Majlis Ugama Islam Pulau Pinang tidak timbul lagi kerana kawasan di dalam bangunan itu yang dahulunya diduduki oleh Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang telahpun diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam dan Majlis Ugama.

Selain dari itu satu peruntukan sejumlah \$13,000 telah diberi untuk membaaharui dan mengubahsuaikan Pejabat tersebut mengikut keperluan-nya. Kerja-kerja tersebut hampir siap.

Dengan yang demikian adalah didapati bahawa tidaklah perlu bagi Kerajaan Negeri untuk membina satu bangunan yang istimewa untuk jabatan tersebut.

4. Kerajaan mengambil ingatan tentang kedudukan perkara ini dan akan menghubungi dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengatasi masalah ini.
5. Satu Jawatankuasa di bawah Pegawai Daerah Bukit Mertajam telah ditubuhkan pada 12hb Jun, 1973 untuk mengelokkan daerah Bukit Mertajam. Jawatankuasa akan menimbangkan cara-cara bagaimana bulatan-bulatan (round-about) dapat dihiias.
